



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**  
**KENYATAAN MEDIA**

**BIL. 38 / 2024**

**PROSES PENGUNDIAN AWAL BAGI**  
**PILIHAN RAYA KECIL (PRK) DEWAN NEGERI**  
**N.29 MAHKOTA, JOHOR**

1. Hari ini telah berlangsung proses pengundian awal bagi **PRK Dewan Negeri N.29 Mahkota, Johor**. Proses pengundian awal ini hanya melibatkan **tiga Pusat Mengundi** iaitu di **Dewan Pengaman Zamrud, Taman Perumahan Polis IPD Kluang, Sekolah Kebangsaan Sultan Sir Ibrahim** dan **Dewan Mahkota, Kem Mahkota Kluang** yang bermula pada pukul **8:00 pagi sehingga 5:00 petang**.
2. Proses mengundi awal bagi PRK Dewan Negeri N.29 Mahkota, Johor melibatkan seramai **4,437** orang pengundi awal yang terdiri daripada anggota polis dan tentera serta pasangan. Peratus keluar mengundi bagi hari mengundi awal adalah sebanyak **95.45 %**.
3. SPR merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan pasukan kerana telah menjalankan tanggungjawab dengan amat baik pada hari ini.

4. Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Penerangan Malaysia, pengamal media dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas segala kerjasama dan sokongan yang telah diberikan kepada SPR.

Sekian.

**DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

24 September 2024 / 20 Rabiulawal 1446H